

NO.SOALAN : 415

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN**  
**LISAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli**  
**[Dungun ]**

**SOALAN**

**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun ]** minta **MENTERI**  
**TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kesan  
penutupan Stesen Jana Elektrik Sultan Ismail Paka dan bagaimana  
dengan agihan keperluan tenaga.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Stesen Jana Kuasa Elektrik Sultan Ismail Paka dengan kapasiti 1,029MW telah tamat beroperasi pada 31 Ogos 2017. Namun demikian, satu blok jana kuasa di stesen jana kuasa sedia ada dengan kapasiti 285MW telah diluluskan untuk pelanjutan operasi sehingga Disember 2019 bagi memenuhi permintaan bekalan elektrik di kawasan Pantai Timur Semenanjung.
2. Penutupan Stesen Jana Kuasa Elektrik Sultan Ismail Paka tidak memberikan kesan kepada Negeri Terengganu memandangkan jaringan sistem talian penghantaran dan pengagihan yang kukuh di Semenanjung akan dapat memastikan kelangsungan bekalan tenaga elektrik di Terengganu dan juga negeri-negeri lain di Pantai Timur Semenanjung.

Sekian, terima kasih

.....